D.R. 1/2021

RANG UNDANG-UNDANG KERJA (PINDAAN) 2021

PINDAAN DALAM JAWATANKUASA

TEKS BAHASA KEBANGSAAN

1. **Fasal 12**

Subfasal 12(b) Rang Undang-Undang dipinda dengan menggantikan perkataan "ninety" dengan perkataan "ninety-eight".

2. **Fasal 23**

Fasal 23 Rang Undang-Undang dipinda dalam seksyen baharu 60FA dengan menggantikan perkataan "three" dengan perkataan "seven".

HURAIAN

Pindaan kepada fasal 12 Rang Undang-Undang bertujuan untuk menaikkan lagi tempoh cuti bersalin sebagaimana yang dicadangkan daripada sembilan puluh hari kepada sembilan puluh lapan hari agar menjadi selaras dengan Konvensyen Perlindungan Bersalin, 2000 (No. 183).

Pindaan kepada fasal 23 Rang Undang-Undang bertujuan untuk menaikkan tempoh cuti paterniti sebagaimana yang dicadangkan bagi pekerja lelaki yang berkahwin daripada tiga hari berturut-turut kepada tujuh hari berturut-turut bagi memberikan tempoh masa yang mencukupi kepada pekerja itu untuk menguruskan hal yang berkaitan dengan kelahiran anaknya.

D.R. 1/2021

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Kerja 1955.

[ ]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kerja (Pindaan) 2021.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta* dan Menteri boleh menetapkan tarikh yang berlainan bagi permulaan kuat kuasa peruntukan yang berlainan Akta ini.

Pindaan seksyen 2

2. Akta Kerja 1955 [*Akta 265*], yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, dipinda dalam subseksyen 2(1)—

(a) dengan memasukkan selepas takrif "agricultural undertaking" takrif yang berikut:

' "apprentice" means any person who has entered into an apprenticeship contract;';

(b) dalam takrif "apprenticeship contract", dengan menggantikan perkataan "shall not be less than two years" dengan perkataan "shall be for a minimum period of six months and a maximum period of twenty four months";

(c) dalam takrif "domestic servant", dengan menggantikan perkataan "domestic servant" dengan perkataan "domestic employee"; dan

(d) dalam takrif "foreign domestic servant", dengan menggantikan perkataan "servant" di mana-mana jua terdapat dengan perkataan "employee".

Pindaan seksyen 4

3. Seksyen 4 Akta ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan perkataan ", 69B, 69C," dengan perkataan "or"; dan

(b) dengan menggantikan perkataan "fourteen" dengan perkataan "twenty-one".

Seksyen baharu 18A

4. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 18 seksyen yang berikut:

"**Calculation of wages for incomplete month's work**

18A. Notwithstanding section 60I, an employee who is employed on a monthly rate of pay and has not completed a whole month of service—

(a) where he commenced employment after the first day of the month;

(b) where his employment was terminated before the end of the month;

(c) where he took leave of absence without pay for one or more days of the month; or

(d) where he took leave of absence by reason of having been called up for national service under the National Service Act 1952 [*Act 425*], to present himself for national service training as required under the National Service Training Act 2003 [*Act 628*] or to comply with any other written law relating to national service,

shall be paid wages due to him for that month calculated according to the following formula:

$$\frac{\text{Monthly wages}}{\text{Number of days of the particular wage period}} \times \text{Number of days eligible in the wage period.”.}$$

Pindaan seksyen 22

5. Subseksyen 22(2) Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “parents,” perkataan “spouse,”.

Pindaan seksyen 25

6. Seksyen 25 Akta ibu dipinda—

(a) dalam nota bahu, dengan menggantikan perkataan “**bank**” dengan perkataan “**financial institution**”;

(b) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan “at a bank, finance company, financial institution or other institutions licensed or established under the Banking and Financial Institutions Act 1989 [*Act 372*] or any other written law, in any part of Malaysia” dengan perkataan “opened by a financial institution,”; dan

(c) dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

“(3) For the purposes of this Part, “financial institution” includes—

(a) a licensed bank and an approved issuer of a designated payment instrument under the Financial Services Act 2013 [*Act 758*];

(b) a licensed Islamic bank and an approved issuer of a designated Islamic payment instrument under the Islamic Financial Services Act 2013 [*Act 759*]; and

(c) a prescribed institution under the Development Financial Institutions Act 2002 [*Act 618*].

(4) The Minister may, by order, specify any approved issuer of a designated payment instrument or any approved issuer of a designated Islamic payment instrument under paragraphs 3*(a)* and *(b)* to be a recognized approved issuer of a designated payment instrument or approved issuer of a designated Islamic payment instrument for the purpose of payment of wages under this Part.".

Pindaan seksyen 25A

7. Seksyen 25A Akta ibu dipinda—

(a) dalam nota bahu, dengan menggantikan perkataan "**bank**" dengan perkataan "**financial institution**";

(b) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan ", other than a domestic servant" dengan perkataan "and subject to subsection (2)";

(c) dengan menggantikan subseksyen (2) dengan subseksyen yang berikut:

"(2) The employer shall, upon the written request of his employee under subsection (1), obtain approval from the Director General for the payment of wages to be paid in legal tender or by cheque.";

(d) dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

"(2A) The Director General may impose any condition as he may deem fit on the approval granted under subsection (2).";

(e) dalam subseksyen (3), (5) dan (6), dengan menggantikan perkataan "subsections (1) and (2)" di mana-mana jua terdapat dengan perkataan "subsection (1)"; dan

(f) dalam subseksyen (5), dengan memasukkan selepas perkataan "employer" perkataan "upon obtaining the approval under subsection (2)".

Pindaan Bahagian VII

8. Bahagian VII Akta ibu dipinda dalam kepala dengan menggantikan perkataan "CONTRACTORS, PRINCIPALS AND CONTRACTORS FOR LABOUR" dengan perkataan "PRINCIPALS, CONTRACTORS, SUB-CONTRACTORS AND CONTRACTORS FOR LABOUR".

Pindaan seksyen 33A

9. Seksyen 33A Akta ibu dipinda—

(a) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

"(1A) A contractor for labour referred to in subsection (1) who supplies any employee to a principal, contractor or sub-contractor shall enter into a contract in writing and shall make such contract or any other document relating to such contract available for inspection."; dan

(b) dalam subseksyen (3)—

(i) dengan memotong perkataan "or" di hujung perenggan *(a)*;

(ii) dengan memasukkan selepas perenggan *(a)* perenggan yang berikut:

"*(aa)* fails to make such contract or any other document relating to such contract available for inspection as required under subsection (1A); or"; dan

(iii) dengan menggantikan perkataan "ten" dengan perkataan "fifty".

Pemotongan Bahagian VIII

10. Akta ibu dipinda dengan memotong Bahagian VIII.

Pindaan Bahagian IX

11. Bahagian IX Akta ibu dipinda dalam kepala dengan menggantikan perkataan "MATERNITY PROTECTION" dengan perkataan "PREGNANCY AND MATERNITY".

Pindaan seksyen 37

12. Seksyen 37 Akta ibu dipinda dalam subseksyen (1)—

(a) dengan menggantikan perenggan *(aa)* dengan perenggan yang berikut:

"*(aa)* Where a female employee is entitled to maternity leave under subparagraph *(a)*(i), whether or not she is entitled to receive maternity allowance from her employer for the eligible period under paragraph *(c)*, or whether or not she has fulfilled the conditions set out in paragraph (2)*(a)*, she may, with the consent of her employer, commence work at any time during the eligible period if she has been certified fit to resume work by a registered medical practitioner."; dan

(b) dalam subperenggan *(d)*(ii), dengan menggantikan perkataan "sixty" dengan perkataan "ninety".

Seksyen baharu 41A

13. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 41 seksyen yang berikut:

"**Restriction on termination of pregnant female employee**

41A. (1) Where a female employee is pregnant or is suffering from an illness arising out of her pregnancy, it shall be

an offence for her employer to terminate her services or give her notice of termination of service, except on the grounds of—

(a) wilful breach of a condition of the contract of service under subsection 13(2);

(b) misconduct under subsection 14(1); or

(c) closure of the employer's business.

(2) Where the service of a female employee under subsection (1) is terminated, the burden of proving that such termination is not on the ground of her pregnancy or on the ground of illness arising out of her pregnancy, shall rest on the employer.".

Pindaan seksyen 42

14. Seksyen 42 Akta ibu dipinda dalam nota bahu dengan menggantikan perkataan "**dismissal**" dengan perkataan "**termination**".

Pemotongan seksyen 44A

15. Akta ibu dipinda dengan memotong seksyen 44A.

Pindaan Bahagian XI

16. Bahagian XI Akta ibu dipinda dalam kepala dengan menggantikan perkataan "SERVANTS" dengan perkataan "EMPLOYEES".

Pindaan seksyen 57

17. Seksyen 57 Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan "servant" di mana-mana jua terdapat dengan perkataan "employee".

Pindaan seksyen 57A

18. Seksyen 57A Akta ibu dipinda—

(a) dalam nota bahu dan subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan "servant" dengan perkataan "employee"; dan

(b) dalam subseksyen (2), dengan menggantikan perkataan "ten thousand ringgit" dengan perkataan "fifty thousand ringgit".

Pindaan seksyen 57B

19. Seksyen 57B Akta ibu dipinda—

(a) dalam nota bahu dan subseksyen (1) dan (2), dengan menggantikan perkataan "servant" di mana-mana jua terdapat dengan perkataan "employee"; dan

(b) dalam subseksyen (3), dengan menggantikan perkataan "ten thousand ringgit" dengan perkataan "fifty thousand ringgit".

Pindaan seksyen 60A

20. Seksyen 60A Akta ibu dipinda—

(a) dalam nota bahu, dengan memasukkan selepas perkataan "**work**" perkataan "**and working at night**";

(b) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan "forty-eight" di mana-mana jua terdapat dengan perkataan "forty-five"; dan

(c) dalam subseksyen (6), dengan memasukkan selepas perkataan "rates" perkataan "and prescribing matters relating to working at night".

Pindaan seksyen 60C

21. Seksyen 60C Akta ibu dipinda—

(a) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan "forty-eight" di mana-mana jua terdapat dengan perkataan "forty-five"; dan

(b) dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

"(2A) The Minister may make regulations relating to the entitlement of allowance during shift work.".

Pindaan seksyen 60F

22. Subseksyen 60F(1) Akta ibu dipinda—

(a) dengan memotong proviso pertama; dan

(b) dalam proviso lanjut, dengan menggantikan perkataan "And provided further" dengan perkataan "Provided".

Seksyen baharu 60FA

23. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 60F seksyen yang berikut:

"**Paternity leave**

60FA. (1) Subject to subsection (3), a married male employee shall be entitled to a paid paternity leave at his ordinary rate of pay for a period of three consecutive days in respect of each confinement.

(2) The paternity leave under subsection (1) shall be restricted to five confinements irrespective of the number of spouses.

(3) A married male employee shall be entitled to paternity leave from his employer if—

(a) he has been employed by the same employer at least twelve months immediately before the commencement of such paternity leave; and

(b) he has notified his employer of the pregnancy of his spouse at least thirty days from the expected confinement or as early as possible after the birth.".

Penggantian seksyen 60K

24. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 60K dengan seksyen yang berikut:

"**Employment of foreign employee**

60K. (1) No employer shall employ a foreign employee unless prior approval has been obtained from the Director General.

(2) An application for the approval under subsection (1) shall be made in the form and manner as may be determined by the Director General.

(3) Upon approval of the Director General under this section, an employer shall, within fourteen days from the date of the employment of a foreign employee, furnish the Director General with the particulars relating to the foreign employee in such manner as the Director General may direct.

(4) The Director General may, subject to any written law, approve an application under this section if the employer complies with the following conditions:

(a) the employer satisfies the Director General that on the date on which he makes the application—

(i) he has no outstanding matter relating to any decision, order or directive issued under this Act; or

(ii) he has no outstanding matter or case relating to any conviction for any offence under this Act, the Employees' Social Security Act 1969 [*Act 4*], the Employees' Minimum Standards of Housing, Accommodations and Amenities Act 1990 [*Act 446*] or the National Wages Consultative Council Act 2011 [*Act 732*]; or

(b) the employer has not been convicted of any offence under any written law in relation to anti-trafficking in persons and forced labour.

(5) An employer who contravenes subsection (1) commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding one hundred thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding five years or to both.".

Seksyen baharu 60KA

25. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 60K seksyen yang berikut:

"**Termination of employment of foreign employee, etc.**

60KA. (1) If the service of a foreign employee is terminated—

(a) by his employer;

(b) by reason of the expiry of the employment pass issued by the Immigration Department of Malaysia to the foreign employee; or

(c) by reason of the repatriation or deportation of the foreign employee,

the employer shall, within thirty days of the termination of service, inform the Director General of the termination in the manner as may be determined by the Director General.

(2) If a foreign employee terminates his service or absconds from his place of employment, the employer shall, within fourteen days of the termination of service

or after the foreign employee's absence, inform the Director General in the manner as may be determined by the Director General.".

Pemotongan seksyen 60L

26. Akta ibu dipinda dengan memotong seksyen 60L.

Bahagian baharu XIIC

27. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas Bahagian XIIB bahagian yang berikut:

"PART XIIC

FLEXIBLE WORKING ARRANGEMENT

Flexible working arrangement

60P. (1) Subject to Part XII or anything contained in the contract of service, an employee may apply to an employer for a flexible working arrangement to vary the hours of work, days of work or place of work in relation to his employment.

(2) Where there is a collective agreement, any application made by the employee under subsection (1) shall be consistent with the terms and conditions in the collective agreement.

Application for flexible working arrangement

60Q. (1) The employee shall make an application for flexible working arrangement under section 60P in writing and in the form and manner as may be determined by the Director General.

(2) Upon the application made under subsection (1), an employer shall, within sixty days from the date such application is received, approve or refuse the application.

(3) The employer shall inform the employee in writing of the employer's approval or refusal of the application under subsection (1) and in the case of a refusal, the employer shall state the ground of such refusal.".

Pindaan seksyen 69

28. Seksyen 69 Akta ibu dipinda—

(a) dalam perenggan (2)(ii), dengan memasukkan selepas perkataan "against a" perkataan "principal,";

(b) dalam subseksyen (4)—

(i) dengan menggantikan perkataan "ten thousand ringgit" dengan perkataan "fifty thousand ringgit"; dan

(ii) dengan menggantikan perkataan "one hundred ringgit" dengan perkataan "one thousand ringgit".

Pemotongan seksyen 69B, 69C, 69D dan 69E

29. Akta ibu dipinda dengan memotong seksyen 69B, 69C, 69D dan 69E.

Seksyen baharu 69F

30. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 69E seksyen yang berikut:

"**Discrimination in employment**

69F. (1) The Director General may inquire into and decide any dispute between an employee and his employer in respect of any matter relating to discrimination in employment, and the Director General may, pursuant to such decision, make an order.

(2) An employer who fails to comply with any order of the Director General issued under subsection (1) commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine

not exceeding fifty thousand ringgit; and shall also, in the case of a continuing offence, be liable to a daily fine not exceeding one thousand ringgit for each day the offence continues after conviction.".

Pindaan seksyen 70

31. Seksyen 70 Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan ", 69B and 69C" dengan perkataan "and 60F".

Pindaan seksyen 73

32. Subseksyen 73(1) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan ", 69B or 69C" dengan perkataan "or 69F".

Pindaan seksyen 77

33. Subsekyen 77(1) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan "69B, 69C, 73" dengan perkataan "69F or 73,".

Pindaan seksyen 81F

34. Seksyen 81F Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan "ten thousand ringgit" dengan perkataan "fifty thousand ringgit".

Pemotongan seksyen 81G

35. Akta ibu dipinda dengan memotong seksyen 81G.

Seksyen baharu 81H

36. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 81G seksyen yang berikut:

"**Notice on sexual harassment**

81H. An employer shall, at all times, exhibit conspicuously at the place of employment, a notice to raise awareness on sexual harassment.".

Pindaan seksyen 82

37. Seksyen 82 Akta ibu dipinda—

(a) dalam nota bahu, dengan memotong perkataan "**issued under Part XV**"; dan

(b) dalam subseksyen (1)—

(i) dengan memotong perkataan "under Part XV"; dan

(ii) dalam perenggan *(b)* proviso, dengan menggantikan perkataan "servant" dengan perkataan "employee".

Pindaan seksyen 84

38. Seksyen 84 Akta ibu dipinda—

(a) dengan menomborkan semula seksyen sedia ada sebagai subseksyen (1); dan

(b) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) sebagaimana yang dinombor semula subseksyen yang berikut:

"(2) Notwithstanding the provisions of any written law to the contrary, the court of a First Class Magistrate shall have jurisdiction to try any offence under this Act and to award the full punishment for any such offence.".

Pindaan seksyen 86

39. Seksyen 86 Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan ", 69B, 69C" dengan perkataan "or 69F,".

Seksyen baharu 87A

40. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 87 seksyen yang berikut:

"**Court order for payments due to employee**

87A. (1) Where an employer has been convicted of an offence relating to the payment of wages or any other payments payable to an employee under this Act, the court before which he is convicted may order the employer to pay any payment due to the employee in relation to that offence.

(2) Where an employer fails to comply with an order made under subsection (1), the court shall, on the application of the employee, issue a warrant to levy the employer's property for any payments due under that subsection in the following manner:

(a) by way of distress and sale of employer's property in accordance with the same procedure of execution under the Rules of Court 2012 [*P.U.(A) 205/2012*] and this execution shall apply *mutatis mutandis* notwithstanding the amount in the order; or

(b) in the same manner as a fine as provided under section 283 of the Criminal Procedure Code [*Act 593*].".

Seksyen baharu 90B

41. Akta ibu dipinda dalam Bahagian XVII dengan memasukkan sebelum seksyen 91 seksyen yang berikut:

"**Forced labour**

90B. Any employer who threatens, deceives or forces an employee to do any activity, service or work and prevents that employee from proceeding beyond the place or area where such activity, service or work is done, commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding one hundred thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding two years or to both.".

Pemotongan seksyen 93

42. Akta ibu dipinda dengan memotong seksyen 93.

Pindaan seksyen 99A

43. Seksyen 99A Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan "ten thousand ringgit" dengan perkataan "fifty thousand ringgit".

Seksyen baharu 101C

44. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 101B seksyen yang berikut:

"**Presumption as to who is an employee and employer**

101C. (1) In any proceeding for an offence under this Act, in the absence of a written contract of service relating to any category of employee under the First Schedule, it shall be presumed until the contrary is proved that a person is an employee—

(a) where his manner of work is subject to the control or direction of another person;

(b) where his hours of work are subject to the control or direction of another person;

(c) where he is provided with tools, materials or equipments by another person to execute work;

(d) where his work constitutes an integral part of another person's business;

(e) where his work is performed solely for the benefit of another person; or

(f) where payment is made to him in return for work done by him at regular intervals and such payment constitutes the majority of his income.

(2) For the purpose of subsection (1), it shall be presumed until the contrary is proved that a person is an employer—

(a) where he controls or directs the manner of work of another person;

(b) where he controls or directs the hours of work of another person;

(c) where he provides tools, materials or equipments to another person to execute work;

(d) where the work of another person constitutes an integral part of his business;

(e) where another person performs work solely for his benefit; or

(f) whether or not payment is made by him in return for work done for him by another person.

(3) The first-mentioned person in subsection (2) includes the agent, manager or factor of such first-mentioned person.".

Pindaan seksyen 102

45. Subseksyen 102(2) Akta ibu dipinda—

(a) dengan memotong perenggan *(b)*;

(b) dengan memasukkan selepas perenggan *(f)* perenggan yang berikut:

"*(fa)* prescribing matters relating to rest day;

(fb) prescribing matters relating to flexible working arrangement;";

(c) dalam perenggan *(i)*, dengan menggantikan perkataan "under section 69, 69B or 69C" dengan perkataan ", and proceedings under section 69 and 69F,";

(d) dengan memotong perenggan *(k)*; dan

(e) dalam perenggan *(m),* dengan menggantikan perkataan "servant" dengan perkataan "employee".

Kecualian dan peralihan

46. (1) Apa-apa aduan, penyiasatan, siasatan, perbicaraan, pendakwaan, prosiding atau rayuan yang dibuat, diambil atau dimulakan di bawah Akta ibu sebaik sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini, hendaklah diuruskan, diteruskan dan diselesaikan di bawah dan mengikut peruntukan Akta ibu seolah-olah Akta ibu tidak dipinda oleh Akta ini.

(2) Apa-apa permohonan bagi kelulusan yang dibuat di bawah subseksyen 25A(2) Akta ibu yang belum selesai sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini hendaklah, pada tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini, diuruskan mengikut peruntukan Akta ibu sebagaimana yang dipinda oleh Akta ini.

(3) Mana-mana majikan yang, sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini, telah menggaji mana-mana pekerja asing tetapi belum memenuhi apa-apa kehendak di bawah seksyen 60K Akta ibu hendaklah, pada tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini, diuruskan mengikut peruntukan Akta ibu seolah-olah Akta ibu tidak dipinda oleh Akta ini.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Kerja 1955 ("Akta 265") bagi mematuhi standard dan amalan antarabangsa sebagaimana yang dikehendaki oleh Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik, Pelan Konsistensi Buruh Malaysia-Amerika Syarikat dan Pertubuhan Buruh Antarabangsa. Tujuan pindaan ini antara lain, adalah untuk mengadakan peruntukan bagi perlindungan terhadap diskriminasi dan buruh paksa, dan untuk mengadakan peruntukan bagi faedah bersalin.

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda subseksyen 2(1) Akta 265 untuk memasukkan takrif baharu dan meminda takrif sedia ada tertentu.

4. *Fasal 3* bertujuan untuk meminda seksyen 4 Akta 265 untuk melanjutkan tempoh bagi suatu rayuan dibuat kepada Ketua Pengarah.

5. *Fasal 4* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 18A ke dalam Akta 265 untuk mengadakan peruntukan bagi pengiraan gaji jika seseorang pekerja tidak dapat melengkapkan sebulan penuh perkhidmatan.

6. *Fasal 5* bertujuan untuk meminda subseksyen 22(2) Akta 265 bagi meluaskan takrif "immediate family members" kepada pasangan.

7. *Fasal 6* bertujuan untuk meminda seksyen 25 Akta 265 untuk diselaraskan dengan Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [*Akta 758*], Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [*Akta 759*] dan Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 [*Akta 618*]. Di bawah subseksyen 25(4) baharu, Menteri boleh, melalui perintah, mengiktiraf pengeluar instrumen pembayaran yang ditetapkan yang diluluskan bagi maksud pembayaran gaji.

8. *Fasal 7* bertujuan untuk meminda seksyen 25A Akta 265 untuk memasukkan kehendak baharu bagi pembayaran gaji selain melalui institusi kewangan.

9. *Fasal 9* bertujuan untuk meminda seksyen 33A Akta 265 untuk memasukkan kehendak tambahan bagi kontraktor buruh dan untuk menaikkan amaun penalti yang dikenakan bagi kegagalan mematuhi kehendak di bawah seksyen 33A Akta 265 daripada sepuluh ribu ringgit kepada lima puluh ribu ringgit.

10. *Fasal 10* bertujuan untuk memotong Bahagian VIII Akta 265 bagi mematuhi kehendak Pertubuhan Buruh Antarabangsa.

11. *Fasal 12* bertujuan untuk meminda seksyen 37 Akta 265 untuk menaikkan tempoh cuti bersalin daripada enam puluh kepada sembilan puluh hari dan perkara lain yang berhubungan dengannya.

12. *Fasal 13* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 41A ke dalam Akta 265 untuk menyekat penamatan pekerja wanita yang mengandung.

13. *Fasal 15* dan *29* bertujuan untuk memotong seksyen 44A, 69B, 69C, 69D dan 69E Akta 265 berbangkit daripada peluasan skop Akta 265. Ini akan membenarkan seseorang pekerja untuk membawa apa-apa pertikaian di hadapan Ketua Pengarah tanpa mengira amaun gaji yang dia terima di bawah peruntukan sedia ada yang dihadkan pada lima ribu ringgit.

14. *Fasal 16* dan *17* bertujuan untuk meminda kepala Bahagian XI dan seksyen 57 Akta 265 untuk menggantikan perkataan "servant" dengan perkataan "employee".

15. *Fasal 18* dan *19* bertujuan untuk meminda seksyen 57A dan 57B Akta 265 untuk menggantikan perkataan "servant" dengan perkataan "employee" dan untuk menaikkan amaun penalti yang dikenakan daripada sepuluh ribu ringgit kepada lima puluh ribu ringgit bagi kegagalan untuk memaklumkan Ketua Pengarah mengenai penggajian dan penamatan pekerja asing.

16. *Fasal 20* dan *21* bertujuan untuk meminda seksyen 60A dan 60C Akta 265 berbangkit daripada pengurangan waktu bekerja dalam satu minggu daripada empat puluh lapan kepada empat puluh lima jam.

17. *Fasal 22* bertujuan untuk meminda seksyen 60F Akta 265 untuk mengadakan peruntukan mengenai perkara yang berhubungan dengan kelayakan cuti sakit berbayar.

18. *Fasal 23* memasukkan seksyen baharu 60FA ke dalam Akta 265 untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berhubungan dengan cuti paterniti bagi pekerja lelaki yang berkahwin.

19. *Fasal 24* bertujuan untuk menggantikan seksyen 60K Akta 265 sedia ada untuk memasukkan kehendak baharu bagi penggajian pekerja asing.

20. *Fasal 25* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 60KA ke dalam Akta 265 untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berhubungan dengan penamatan penggajian pekerja asing.

21. *Fasal 27* bertujuan untuk memasukkan Bahagian XIIC baharu ke dalam Akta 265 yang berhubungan dengan perkiraan kerja fleksibel bagi seseorang pekerja.

22. *Fasal 28* bertujuan untuk meminda seksyen 69 Akta 265 untuk menaikkan amaun penalti yang dikenakan di bawah seksyen itu bagi kegagalan mematuhi apa-apa perintah atau keputusan Ketua Pengarah ke atas suatu siasatan di bawah seksyen itu.

23. *Fasal 30* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 69F ke dalam Akta 265 untuk memberi Ketua Pengarah kuasa untuk menyiasat pertikaian yang berhubungan dengan diskriminasi dalam pekerjaan dan membuat apa-apa perintah atau keputusan.

24. *Fasal 34* bertujuan untuk meminda seksyen 81F Akta 265 untuk menaikkan amaun penalti yang dikenakan daripada sepuluh ribu ringgit kepada lima puluh ribu ringgit ke atas majikan bagi kesalahan atas kegagalan untuk menyiasat aduan gangguan seksual.

25. *Fasal 36* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 81H ke dalam Akta 265 yang berhubungan dengan kewajipan majikan untuk mempamerkan suatu notis untuk meningkatkan kesedaran terhadap gangguan seksual.

26. *Fasal 38* bertujuan untuk meminda seksyen 84 Akta 265 untuk memberi Mahkamah Majistret Kelas Pertama kuasa untuk membicarakan apa-apa kesalahan dan untuk mengenakan hukuman penuh di bawah Akta 265.

27. *Fasal 40* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 87A ke dalam Akta 265 untuk memberi mahkamah kuasa untuk memerintahkan seseorang majikan membayar apa-apa pembayaran yang tertunggak kepada pekerja.

28. *Fasal 41* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 90B ke dalam Akta 265 untuk mengadakan peruntukan bagi kesalahan buruh paksa.

29. *Fasal 43* bertujuan untuk meminda seksyen 99A Akta 265 untuk menaikkan amaun penalti yang dikenakan daripada sepuluh ribu ringgit kepada lima puluh ribu ringgit bagi apa-apa kesalahan di bawah Akta 265 dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta yang baginya tiada penalti ditetapkan.

30. *Fasal 44* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 101C ke dalam Akta 265 berkenaan dengan anggapan mengenai siapakah pekerja dan majikan bagi pekerja itu sekiranya tidak ada kontrak perkhidmatan.

31. *Fasal 45* bertujuan untuk meminda seksyen 102 Akta 265 untuk mengadakan peruntukan mengenai perkara tambahan yang baginya Menteri boleh membuat peraturan-peraturan di bawah Akta 265.

32. *Fasal 46* memperkatakan peruntukan kecualian dan peralihan.

33. Pindaan lain yang tidak diperkatakan secara khusus dalam Huraian ini merupakan pindaan kecil atau berbangkit.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya belum dapat ditentukan sekarang ini.

[PN(U2)3164]